

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 27 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah diambil Kementerian dalam mengatasi masalah infrastruktur di Hospital Kulim terutamanya yang terpaksa menampung peningkatan pesakit sebanyak 5% setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kulim telah dibangunkan dalam RMK-6 dengan berkonsepkan hospital nukleus dengan kapasiti 314 katil bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran kepada penduduk Daerah Kulim dan sekitarnya. Hospital ini memulakan operasinya pada 1 September 1994.

Dari tempoh tersebut sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menambah perkhidmatan bidang-bidang kepakaran di hospital ini. Selaras dengan penambahan kepakaran, maka kadar penggunaan katil pun bertambah sehingga menimbulkan isu kesesakan

di hospital ini. Masalah yang sama juga berlaku di kebanyakan hospital-hospital KKM.

Kementerian ini mengambil maklum akan isu tersebut dan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf hospital yang terlibat termasuk Hospital Kulim ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kekurangan peruntukan projek-projek naiktaraf yang dirancang perlu dilaksanakan secara perfasa.

Jesteru itu, di dalam RMK-10, melalui Rolling Plan Ke-4, KKM telah memohon peruntukan bagi projek menambah kapasiti katil ICU daripada 7 kepada 15 katil (8 katil) dan tambahan 4 buah lagi dewan bedah.

Kementerian ini juga sedang merancang untuk menambah kapasiti katil untuk hospital ini melalui cadangan projek pembinaan wad tambahan dan kemudahan sokongan yang berkaitan bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan selaras dengan pertambahan penduduk di daerah Kulim. Perancangan ini akan dikemukakan di dalam RMK-11 kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 51

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan kehilangan MH370 sukar dikesan hingga kini walaupun usaha pelbagai pihak telah dijalankan semaksimum mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara faktor yang menyebabkan kehilangan MH370 sukar dikesan hingga kini adalah seperti berikut:

- (i) ketiadaan sebarang petunjuk yang *credible* kecuali maklumat mengenai komunikasi terakhir di antara pesawat dan pihak MAS pada 8 Mac 2014;
- (ii) ketiadaan sebarang *debris* (serpihan) pesawat yang boleh memberi petunjuk juga telah merumitkan operasi pencarian;
- (iii) kawasan pencarian yang sangat luas iaitu 1.1 juta kilometer persegi dan mempunyai kedalaman sehingga 6 kilometer; dan
- (iv) ketiadaan maklumat mengenai pemetaan permukaan dasar laut.

Walau bagaimanapun, negara akan terus komited di dalam meneruskan usaha mencari pesawat MAS MH370.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 52

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keputusan yang tercapai dalam bengkel (*workshop*) pada bulan Jun berkenaan dengan peraturan kereta cermin gelap. Bilakah Kementerian akan melaksanakan peraturan terbaru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan satu bengkel pada 2 dan 3 Jun 2014 sebagai suatu langkah *engagement* dalam mendapatkan maklumbalas secara komprehensif dari pelbagai pihak. Bengkel ini melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan iaitu agensi Kerajaan, pemain industri, badan bukan Kerajaan dan ahli akademik. Secara amnya, keputusan bengkel adalah berikut:

- (i) mengekalkan kadar ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance – VLT*) bagi cermin hadapan (*windscreen*) pada kadar 70% dan cermin sisi pemandu dan penumpang hadapan pada kadar 50%. Ini memandangkan penurunan kadar VLT bagi cermin hadapan dan sisi pemandu akan memberi kesan terhadap *visibility* pemanduan (pemandu kenderaan dan pengguna jalan raya), interaksi pemanduan dan *response time* terutamanya pemandu yang telah lanjut usia;
- (ii) meminda peraturan sedia ada berhubung kadar VLT bagi cermin sisi penumpang sebelah belakang dan cermin belakang kenderaan daripada 50% kepada 30%; dan
- (iii) penyeragaman/penyelarasan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasa mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan termasuk *tolerance rate* terhadap bacaan kadar VLT sebanyak 5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya maklumkan di sini, walaupun kadar baharu VLT tersebut telah dipersetujui oleh Kerajaan, namun Kerajaan juga mengambil pendekatan untuk memperhebatkan advokasi dan hebahan terhadap orang ramai terlebih dahulu sehingga 30 April 2015 sebelum penguatkuasaan kadar baharu VLT dijalankan secara menyeluruh mulai 1 Mei 2015. Langkah ini bagi memastikan orang ramai didedahkan dengan maklumat peraturan baharu cermin gelap serta rasional di sebalik penetapan peraturan tersebut dengan elemen keselamatan jalan raya dan kesesuaian persekitaran negara kita.

Dalam tempoh sehingga 30 April 2015, orang ramai adalah diminta supaya mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan cermin kenderaan masing-masing mematuhi kadar baharu yang ditetapkan.